



POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Semambu
25350 Kuantan
PAHANG DARUL MAKMUR
MALAYSIA



Tel : 09-5655300
Faks : 09-5663104
Portal Rasmi : www.polisas.edu.my

Rujukan Kami : POLISAS.JSKK.400.JIWAKU-24 (4)

Tarikh : 2 Julai 2024

**Pengarah Politeknik
Pengarah Kolej Komuniti
(u.p.: Pegawai Kebudayaan)**

YBrs. Ts. Ir./ Dr./ Tuan/ Puan,

**JEMPUTAN MENYERTAI PROGRAM JALINAN WARISAN KEBANGSAAN DAN
UNESCO (JIWAKU) POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA 2024**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar (BAPP), Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti dengan kerjasama Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan akan menganjurkan Program Jalinan Warisan Kebangsaan dan UNESCO (JIWAKU) Politeknik Dan Kolej Komuniti Malaysia 2024.

3. Untuk makluman pihak YBrs. Ts. Ir./ Dr./ Tuan/ Puan, pihak kami berbesar hati ingin menjemput **SATU (1) orang pegawai pengiring dan DUA (2) orang pelajar** daripada institusi YBrs. Ts. Ir./ Dr./ Tuan/ Puan bagi menyertai program tersebut yang akan diadakan seperti ketetapan berikut:

**Tarikh : 16 hingga 18 Ogos 2024 (Jumaat hingga Ahad)
Tempat : Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan Pahang
Dan Muzium Sungai Lembing, Kuantan Pahang**

Rujukan Kami : POLISAS.JSKK.400.JIWAKU-24 (4)
Tarikh : 2 Julai 2024


4. Bersama-sama ini disertakan maklumat am program dan borang penyertaan boleh dilengkapkan melalui pautan <https://tinyurl.com/JIWAKU2024> sebelum atau pada 10 Julai 2024 (Rabu). Untuk makluman YBrs. Ts. Ir./ Dr./ Tuan/ Puan, TIADA YURAN penyertaan dikenakan dan segala perbelanjaan atau tuntutan sepanjang program adalah di bawah tanggungan institusi masing-masing. Jika terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai kami En. Shahrin Bin Shafiee di talian 014-9007130 dan Pn. Noor Azidah Binti Abdullah di talian 019-6696914. Kerjasama dan perhatian pihak YBrs. Ts. Ir./ Dr./ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(HISAMUDIN BIN MOHD TAMIM)

Pengarah

Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah

Kuantan.

Jalinan Warisan KEBANGSAAN DAN UNESCO JIWAKU 2024

POLITEKNIK
SULTAN HAJI AHMAD SHAH

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



16-18 OGOS 2024
POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH
Jejak El-Dorado
@ Muzium Sungai Lembing

PENGENALAN

Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan akan meneruskan kesinambungan Program JALINAN WARISAN & UNESCO (JIWAKU) POLITEKNIK & KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA 2024 untuk membina kemahiran pelajar dalam mengenali dan mamartabatkan budaya setempat. Program ini merupakan sebahagian daripada pengisian Festival POLYCC 2024 yang dikelolakan Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS). Ia menyasarkan penyertaan daripada seluruh Politeknik Malaysia dan Kolej Komuniti Zon Pahang. Selain itu program ini turut menjemput penglibatan dari aktivis seni tempatan dalam memberi pendedahan kepada para peserta yang terlibat.

Program ini turut memberi nilai tambah kepada kemahiran pelajar seperti kemahiran insaniah yang dizahirkan dalam aktiviti Corporate Social Responsibility (CSR) dengan perkongsian ilmu daripada peserta-peserta kepada golongan sasaran seperti penduduk tempatan di sekitar tapak program. Untuk penganjuran pada kali ini, elemen warisan setempat diangkat sebagai daya tarikan iaitu Jejak El-Dorado @ Muzium Sungai Lembing dengan mengikuti perjalanan sejarah pekan Sungai Lembing yang tersohor dengan perlombongan suatu ketika dahulu. Aktiviti jejak warisan dirancang untuk memberi penghayatan nilai sejarah kepada peserta dan ianya adalah merupakan satu lokasi yang mempunya nilai sejarahnya yang tersendiri dan sedang dalam usaha untuk mendapatkan pengiktirafan sebagai tapak warisan UNESCO.

Penganjuran JIWAKU 2024 ini juga bakal mengorak langkah baru dengan memperkenalkan konsep acara berteraskan TVET dan acara berteraskan seni budaya digembbleng di bawah satu program utama. Ia selari dengan Dasar Industri Kreatif Negara untuk memperkenal dan melestarikan pelbagai khazanah kesenian rakyat di Malaysia secara amnya. Ia juga akan digariskan sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang menjadi teras dalam penganjuran.

Målamat program JIWAKU 2024 adalah untuk menyediakan ruang dan peluang kepada semua lapisan pelajar untuk menghayati semangat kecintaan terhadap warisan negara dan memperkenalkan seni budaya yang diterapkan unsur-unsur kreativiti berteraskan Revolusi Industri 4.0 tanpa menjelaskan elemen tradisi dan budaya masing-masing, selain membantu mempromosikan kesenian rakyat tempatan di peringkat nasional seterusnya luar negara.

Jalinan Warisan KEBANGSAAN DAN UNESCO

JIWA KU 2024

POLITEKNIK
MALAYSIA
POLYTECHNIC
OF MALAYSIA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SAINS
JABATAN PERINDUSTRIAN DAN SAINS

16-18 OGOS 2024
POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH

Jejak El-Dorado
@ Muzium Sungai Lembing

OBJEKTIF

Objektif yang akan dicapai dalam program yang dianjurkan.:

1. Memperkenalkan dan memperkasakan penjenamaan semula Politeknik Malaysia dan Kolej Komuniti (Domain 2)
2. Membantu menanam pengetahuan berkonsepkan edu-budaya melalui bengkel budaya dan warisan serta aktiviti-aktiviti kebudayaan yang lain kepada para pelajar dan pensyarah. (Domain 6)
3. Memberi peluang kepada pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti mengelola, merangka dan melaksanakan aktiviti dengan mengeratkan integrasi nasional dalam semangat kerjasama dan pengurusan organisasi melalui acara bakat dan aktiviti yang disertai. (Domain 7 & 8)
4. Mewujudkan budaya bersaing yang sihat dikalangan pelajar dengan mendedahkan pelajar dengan kebolehpasaran dalam bidang bakat. (Domain 5)

Jalinan Warisan KEBANGSAAN DAN UNESCO

JIWAKU 2024

POLITEKNIK
MALAYSIA
POLYTECHNIC OF MALAYSIA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



16-18 OGOS 2024
POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH

Jejak El-Dorado
@ Muzium Sungai Lembing

TENTATIF

Tarikh / Masa

Perkara

**16 Ogos 2024
(Jumaat)**

LOKASI : POLISAS

- | | |
|-------------|----------------------------|
| 1500 - 1700 | : Pendaftaran peserta |
| 1700 - 1800 | : Taklimat Program |
| 1800 - 1900 | : Makan Malam |
| 2000 - 2200 | : Bengkel Fotografi & VLOG |

**17 Ogos 2024
(Sabtu)**

LOKASI: Sungai Lembing

'Jejak El-Dorado @ Muzium Sungai Lembing'

- | | |
|-------------|--|
| 0700 - 0730 | : Sarapan pagi |
| 0730 - 0830 | : Perjalanan dari penginapan ke Sungai Lembing |
| 0830 - 1230 | : Program 'Jejak El-Dorado @ Muzium Sungai Lembing' & CSR bersama komuniti setempat. |
| 1230 - 1400 | : Rehat & Makan Tengahari |
| 1400 - 1600 | : Lawatan & UNESCO Vlog / Photography Contest Pekan Sungai Lembing |
| 1600 - 1700 | : Sesi perkongsian ilmu oleh Jabatan Warisan Negara (JWN) |
| 1700 - 1730 | : Majlis Penutup 'Jejak El-Dorado @ Muzium Sungai Lembing' |
| 1730 - 1830 | : Perjalanan pulang dari Sungai Lembing ke penginapan |
| 1830 - 1930 | : Makan Malam |
| 2000 - 2200 | : Persembahan Nyanyian dan Band POLYCC serta artis jemputan (Kopratasa, Man Kayan) |

**18 Ogos 2024
(Ahad)**

Tempat : Kuantan

- | | |
|-------------|--|
| 0730 - 0830 | : Sarapan pagi |
| 0830 - 1030 | : Sesi penjurian |
| 1030 - 1230 | : Majlis Penyampaian Hadiah Program JIWAKU |
| 1400 - 1700 | : Perasmian Penutup Festival POLYCC 2024 (YBM KPT) |

Jalinan Warisan KEBANGSAAN DAN UNESCO

JIWAKU 2024

POLITEKNIK
MALAYSIA
SEJARAH MELAKA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



16-18 OGOS 2024
POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH

Jejak El-Dorado
@ Muzium Sungai Lembing



SYARAT PENYERTAAN & PERTANDINGAN

Berikut adalah syarat penyertaan untuk pertandingan UNESCO VLOG CONTEST - Jejak El-Dorado @ Muzium Sungai Lembing:

1. Terbuka kepada semua pelajar POLYCC (2 peserta) untuk satu kumpulan dan satu sahaja penyertaan untuk setiap institusi.
2. Borang maklumat peserta perlu diserahkan pada urusetia semasa pendaftaran.
3. Vlog mesti bertemakan "Jejak El-Dorado @ Muzium Sungai Lembing – ke arah pengiktirafan tapak warisan UNESCO"
4. Vlog perlu mempunyai naratif yang jelas dan menarik.
5. Durasi vlog mestilah di antara 3 hingga 5 minit.
6. Vlog perlu dihantar dalam format MP4 atau MOV dengan resolusi minimum 720p kepada urusetia selepas program Jejak El-Dorado @ Muzium Sungai Lembing untuk proses penjurian & penilaian.
7. Vlog boleh disampaikan dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris.
8. Jika menggunakan bahasa Inggeris, sari kata dalam bahasa Melayu mesti disertakan.
9. Video dan audio mesti jelas dan berkualiti tinggi.
10. Sebarang bentuk muzik latar atau bunyi tambahan mestilah bebas hak cipta atau mempunyai kebenaran untuk digunakan.
11. Vlog mestilah karya asli peserta. Sebarang penggunaan bahan pihak ketiga mestilah mendapat kebenaran terlebih dahulu.
12. Peserta perlu menyerahkan hak penyiaran kepada pengajur untuk tujuan promosi dan penilaian.

Jalinan Warisan KEBANGSAAN DAN UNESCO

JIWA KU 2024

POLITEKNIK
SULTAN HAJI AHMAD SHAH

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



16-18 OGOS 2024

POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH

Jejak El-Dorado
@ Muzium Sungai Lembing



KATEGORI PERTANDINGAN VLOG

Terdapat empat (4) kategori untuk pertandingan VLOG 'Jejak El-Dorado @ Muzium Sungai Lembing – ke arah pengiktirafan tapak warisan UNESCO'

1. Vlog Terbaik Keseluruhan:

Kategori ini memberi penghargaan kepada vlog yang menunjukkan kualiti tertinggi dari segi kandungan, kreativiti, penyampaian, dan teknikal. Perlu bertepatan dengan tema "Jejak El-Dorado @ Muzium Sungai Lembing – ke arah pengiktirafan tapak warisan UNESCO" selain memberikan maklumat yang tepat dan mendalam merangkumi sejarah, nilai budaya, dan kepentingan Sungai Lembing ke arah pengiktirafan UNESCO sebagai tapak warisan dunia.

2. Warisan UNESCO Terbaik:

Kategori ini mengiktiraf vlog yang mempunyai jalan cerita yang paling menarik dan naratif bertemakan "Jejak El-Dorado @ Muzium Sungai Lembing – ke arah pengiktirafan tapak warisan UNESCO" yang paling berkesan dalam menyampaikan maklumat berkaitan sejarah perlombongan dan warisan budaya komuniti di Sungai Lembing ke arah pengiktirafan tapak warisan UNESCO.

3. Kreativiti dan Inovasi Terbaik:

Kategori ini mengiktiraf vlog yang menunjukkan idea-idea kreatif dan inovatif dalam penyampaian, penggambaran, dan penyuntingan video. Selain memaparkan daya cipta dan kebolehan teknikal yang luar biasa, memperlihatkan bagaimana teknologi dan seni dapat digabungkan untuk menghasilkan video yang memukau dan menginspirasi. Pengiktirafan ini menggalakkan peserta untuk berfikir di luar kotak dan mencuba pendekatan baru dalam pembuatan vlog.

4. Audio visual Terbaik:

Kategori ini mengiktiraf vlog yang mempunyai kualiti visual dan audio terbaik, termasuk sinematografi, pengeditan, dan penggunaan muzik atau bunyi latar yang sesuai.

Jalinan Warisan KEBANGSAAN DAN UNESCO

JIWAKU 2024

POLITEKNIK
MALAYSIA
SELENGGARA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



16-18 OGOS 2024
POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH

Jejak El-Dorado
@ Muzium Sungai Lembing



SYARAT PENYERTAAN & PERTANDINGAN

Berikut adalah senarai syarat pertandingan fotografi ‘Jejak El-Dorado @ Muzium Sungai Lembing – ke arah pengiktirafan tapak warisan UNESCO’ :

1. Terbuka kepada semua pelajar POLYCC dan satu sahaja penyertaan untuk setiap institusi.
2. Borang maklumat peserta perlu diserahkan pada urusetia semasa pendaftaran.
3. Fotografi mesti berkaitan dengan tema ‘Jejak El-Dorado @ Muzium Sungai Lembing – ke arah pengiktirafan tapak warisan UNESCO’ yang akan dirakam semasa program berlangsung di sekitar Sungai Lembing.
4. Foto harus memaparkan keunikan budaya, sejarah, komuniti dan keindahan tapak bersejarah ini.
5. Setiap pelajar hanya perlu menghantar 1 keping foto terbaik sepanjang program yang disertai.
6. Foto hendaklah dalam format JPEG dengan resolusi minimum 300 dpi.
7. Foto yang dihantar mestilah karya asli dan dirakam semasa program berlangsung
8. Hak cipta foto kekal milik peserta, tetapi penganjur berhak menggunakan foto tersebut untuk tujuan promosi dan publisiti tanpa sebarang bayaran tambahan.
9. 2 juri profesional yang dilantik akan menilai hasil kerja peserta.

Kriteria penilaian adalah berdasarkan :

1. Kreativiti dan keaslian
2. Kualiti teknikal gambar.
3. Interpretasi tema.
4. Komposisi dan pencahayaan.

Jalinan Warisan KEBANGSAAN DAN UNESCO

JIWA KU 2024

POLITEKNIK
SULTAN HAJI AHMAD SHAH

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



16-18 OGOS 2024

POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH

Jejak El-Dorado
@ Muzium Sungai Lembing



VLOG
CONTEST

JIWA KU

JIWA KU
PHOTOGRAPHY
CONTEST

HADIAH & ANUGERAH

Berikut adalah senarai Hadiah Dan Anugerah VLOG dan PHOTOGRAPHY CONTEST ‘Jejak El-Dorado @ Muzium Sungai Lembing – ke arah pengiktirafan tapak warisan UNESCO’ :

VLOG CONTEST - 4 kategori

- Juara - RM200.00 (Tunai)
- Naib Juara - RM150.00 (Tunai)
- Tempat Ketiga -RM100.00 (Tunai)

PHOTOGRAPHY CONTEST

- Juara - RM150.00
- Naib Juara - RM120.00